

PENERBITAN BERMUTU MASYARAKAT BERILMU

TERAMPIL MENGARANG
Bersama Profesor Dr. Awang Sariyan



Binaan Kata dalam Karang-Mengarang (5)

Sesudah kita bincangkan beberapa aspek awal binaan kata terbitan atau kata berimbuhan, kini marilah kita teruskan perbincangan yang secara langsung berkaitan dengan penggunaan pelbagai imbuhan dalam bahasa Melayu.

Asas perbincangan kita tentang kata terbitan, dalam hubungannya dengan penulisan ialah bahawa kata terbitan mendukung pelbagai makna dan konsep. Dalam penulisan, pengutaraan makna dan konsep menjadi tujuan utama.

Untuk menjadikan perbincangan kita lebih berfokus, saya membahagi imbuhan dengan berdasarkan golongan atau kelas kata. Hal ini demikian, kerana sekian banyak imbuhan yang ada dalam bahasa Melayu itu dapat dikelompokkan menurut golongan atau kelas kata, iaitu sama ada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Dengan membincangkan imbuhan dan proses pembentukan kata terbitan menurut golongan kata tertentu, kita dapat memahami kaedah

dan fungsi kata terbitan atau kata berimbuhan dengan lebih jelas.

Sebelum itu, perlu anda ketahui bahawa imbuhan kepada bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu awalan (yang letaknya di awal kata atau unsur dasar), akhiran (yang letaknya sesudah kata atau unsur dasar), apitan (dua imbuhan, yang satu letaknya di awal dan yang satu lagi letaknya sesudah kata atau unsur dasar), dan sisipan (yang letaknya di tengah kata). Contoh awalan ialah *ber-, me-, di-, ter-, ke-, se-, per-* dan *pe-*. Contoh akhiran ialah *-an, -man, -wan, wati, -kan, -i, -nya*. Contoh apitan pula ialah *ber-...-an, ber-...-kan, me-...-kan, me-...-i, di-...-kan, di-...-i* dan sebagainya. Contoh apitan pula ialah *-el-, -em- dan -er-*.

Marilah kita bermula dengan imbuhan yang berkaitan dengan kata kerja kerana imbuhan dalam golongan kata inilah yang paling banyak dan secara langsung berkaitan dengan pembentukan kata-kata baharu dan penting sekali dalam penulisan. Mula-mula

kita bincangkan awalan yang membentuk kata kerja. Awalan berkenaan ialah *ber-, me-, di-, ter-*.

Awalan *ber-* dapat membentuk kata kerja aktif dan juga kata kerja pasif. Sebagai kata kerja aktif, awalan ini membentuk kata kerja tak transitif, iaitu kata kerja yang dapat berdiri sendiri tanpa objek. Contoh awalan *ber-* yang membentuk kata kerja aktif tak transitif dalam ayat ialah:

1. Dunia sedang *bergolak* dengan pelbagai isu politik, ekonomi dan sosial.
2. Sebagai rakyat, kita *berhak* menyuarakan pandangan kepada pemimpin.
3. Sukan Olimpik pada tahun 2008 *berlangsung* di Beijing.

Kata kerja *bergolak, berhak* dan *berlangsung* dalam ayat-ayat di atas merupakan kata kerja tak transitif. Ketiga-tiganya dikatakan kata kerja aktif kerana digunakan dalam ragam ayat aktif.

Ada pula kata kerja dengan awalan *ber-* yang tergolong dalam kata kerja pasif kerana digunakan

dalam ragam ayat pasif, iaitu ayat yang *menunjukkan* subjeknya yang kena. Contohnya:

Pakaian untuk dibawa ke luar kota telah siap *bergosok*.

Pisau itu belum *berasah*.
Surat yang saya kirimkan kepada Pengarah sebulan lalu belum *berjawab*.

Semua kata kerja berawalan *ber-* dalam ayat-ayat di atas tergolong dalam kata kerja pasif kerana subjek ayat ialah subjek yang kena, iaitu *bergosok* (sama dengan *digosok*), *berasah* (sama dengan *diasah*) dan *berjawab* (sama dengan *dijawab*). Penggunaan kata kerja berawalan *ber-* dalam bentuk pasif ini dapat dijadikan unsur gaya bahasa dalam penulisan.

Daripada segi maknanya, kata kerja berawalan *ber-* mendukung makna yang amat luas. Asraf, dalam bukunya *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu* menghuraikan 20 makna yang terbit daripada penggunaan awalan *ber-*. Untuk kali ini, kita bincangkan 10 maknanya lebih

dahulu seperti yang berikut:

1. Mempunyai (seperti *berayah, berbentuk, bertenaga, berbahaya, berduri, berwarna*)
2. Memakai (seperti *berbaju, bersongkok, bertudung, berselipar*)
3. Menggunakan (seperti *berkereta, berkuda, berpayung, berkayak, bertongkat*)
4. Mengeluarkan (seperti *berbunga, berbuah, bertelur, berkilat*)
5. Mengucapkan (seperti *berdoa, berikrar, bersumpah, berterima kasih*)
6. Mengusahakan (seperti *berkebun, berkedai, berniaga, bertani*)
7. Berlaku atau bekerja (seperti *berkorban, bertukang*)
8. Menggunakan jasa (seperti *berguru, berdukun*)
9. Menyatakan diri (seperti *beraku, berengkau, berpatik*)
10. Beberapa banyak (seperti *berbulan-bulan, bertahun-tahun, berlori-lori*)

MUNSYI MENULIS

Oleh Kamal Shukri
Abdullah Sani

Pada bulan lepas telah dibentangkan dapatan tinjauan yang dilakukan untuk mengesan penggunaan bahasa Melayu dalam dokumen, maklumat atau iklan dalam kumpulan syarikat dan industri tempatan. Hasil tinjauan itu boleh juga dilihat dalam rajah yang dilampirkan.

Kini, selepas lima puluh tahun merdeka perjuangan bahasa Melayu masih belum selesai, terutamanya bidang sains dan teknologi dari segi pemerolehan ilmu dan pembinaan kepustakaan berbahasa Melayu.

Dari segi pendidikan pula dari peringkat rendah hingga di universiti seperti yang telah diramalkan pada tahun 2002 dahulu, jumlah mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Melayu mulai jatuh sehingga tinggal kira-kira 29% di peringkat SPM dan seterusnya tinggal kira-kira 9% mata pelajaran di peringkat universiti atau pengajian tinggi. Sedangkan keadaan ini berbeza sebelumnya sejak penukaran bahasa penghantar daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu secara beransur-ansur mulai tahun 1972 sehingga lengkap di universiti pada tahun 1983, berpuluh-puluh dan beratus-ratus mata pelajaran di sekolah dan di universiti beralih kepada bahasa Melayu.

Peminggiran bahasa Melayu dalam dua mata pelajaran, iaitu sains dan matematik menular dengan cepatnya dalam bidang

dan hal-hal lain seperti promosi barangan/produk, iklan, temubual/wawancara dengan pemimpin/personaliti di media elektronik termasuklah hiburan, malah ucapan pemimpin, ucapan perasmian, wawancara dalam bahasa Inggeris semakin berleluasa.

Justeru kita tidak perlu berbangga bahawa bahasa Melayu mempunyai 129 buah pusat pengajian dari benua Eropah hingga ke Benua Amerika, Asia Timur Jauh, Australia, New Zealand dan Benua China, sedangkan di tanah airnya sendiri nasib dan layanan terhadap bahasa Melayu umpama "dipinggirkan" selepas dilanda "tsunami bahasa Inggeris" pada tahun 2002.

Begitu jugalah wajah bahasa Melayu dan nilai ekonominya yang terpapar di sektor swasta (perniagaan dan perindustrian) sekalipun untuk urusan domestik, sama ada tidak berubah sejak merdeka atau sedikit sahaja perubahannya atau berubah dengan lebih jelas ke arah meminggirkan bahasa Melayu selepas tahun 2002. Hanya sisa kesan sahaja yang dapat dilihat daripada pelancaran Gerakan Cintailah Bahasa Kita pada 11 Disember 1987 dahulu dan Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta 1996 - 1998 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 19 Ogos 1996.

Keadaan terus malang selepas 1998 kerana tiada sebarang program besar atau kelangsungan usaha secara terancang seperti gerakan tersebut untuk memperkasakan bahasa Melayu di Malaysia. Walaupun tugas tersebut tidak wajar dipikul oleh DBP sahaja atau secara bersendirian tetapi DBP merupakan penggerak utama dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Usaha cemerlang DBP sebelum tahun 2002 perlu diteruskan dan digiatkan lagi.

DBP perlu tegas dalam usaha menyemak kembali, mengesyorkan, menyelaras, melaksana dan memantau pelaksanaan segala peraturan, perundangan, akta dan sebagainya yang perlu bagi penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu di negara ini secara menyeluruh dari semasa ke semasa dan bukan secara bermusim.

Program "ziarah bahasa" ke kementerian, jabatan, badan berkanun, kerajaan negeri/tempatan, syarikat korporat besar dan kecil perlu dilakukan secara berkala dan bersungguh-sungguh untuk memupuk kesedaran dan kecintaan terhadap bahasa Melayu khususnya di sektor swasta walaupun undang-undang dan penguatkuasaan tetap diperlukan. Penubuhan jabatan atau

unit audit bahasa untuk sektor awam dan swasta dapat menangani hal ini.

DBP memaklumkan dengan tegas kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi agar semua pelaksanaan aktiviti, dasar yang meminggirkan bahasa Melayu dan yang melanggar mana-mana perundangan/akta seperti Perkara 152 Perlembagaan Malaysia, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan dan yang berkaitan hendaklah dihentikan seperti pengajaran Sains dan Matematik

dalam bahasa Inggeris yang telah diajar dalam bahasa Melayu sebelum tahun 2002.

Bahasa Melayu ialah jati diri dan acuan negara Malaysia. Sejarah, tamadun dan asas serta dasar pembinaan negara ini perlu diakui dan dihormati tanpa berbelah-bahagi jika kita benar-benar mengaku cintakan negara ini. Maka dengan ini bahasa Melayu hendaklah diperkasakan dan diberi nilai ekonomi yang tinggi, digunakan sepenuhnya oleh sektor awam dan swasta dalam urusan rasmi khususnya yang bersifat domestik.

Memperkasakan Bahasa Melayu di Sektor Swasta: Satu Tinjauan Selepas 50 Tahun Merdeka

PERATUSAN PENGGUNAAN BAHASA DI SEKTOR SWASTA

